BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/10/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 31 Mac 2010

Perkembangan Monetari dan Kewangan Februari 2010
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi menjadi sederhana kepada 1.2% pada bulan Februari 2010.

- Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 9.9% pada akhir bulan Februari.

- Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio) masing-masing pada 15.1% dan 13.5%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/10/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 31 Mac 2010

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Februari 2010

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM64.5 bilion pada bulan Februari. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 9.9% pada akhir bulan Februari. Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman secara keseluruhan meningkat sementara penunjuk pinjaman utama lain kekal kukuh pada bulan tersebut.

Pada bulan Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) daripada 2.00% kepada 2.25% pada 4 Mac, AOIR menjadi lebih tinggi dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Pada 15 Mac, kadar

deposit tetap (fixed deposit, FD) purata dan kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan telah meningkat.

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), dengan pengukuhan sebanyak 4.8% antara 1 Februari hingga 30 Mac 2010. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (12.8%), euro (8.4%) dan yen Jepun (7.4%). Paun sterling menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang berikutan perkembangan politik di United Kingdom. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.5% hingga 4.7%.

Indeks Harga Pengguna (IHP) bulan Februari menjadi sederhana kepada 1.2% pada asas tahunan (Januari: 1.3%). Inflasi yang lebih sederhana ini disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam beberapa kategori keluaran dalam kumpulan IHP.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan lebih tinggi, iaitu 8.2%. Peningkatan M3 disokong oleh pengeluaran kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh aliran keluar modal, yang dicerminkan oleh penurunan aset asing bersih sistem perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio) masing-masing pada 15.1% dan 13.5%.

Kadar faedah lebih tinggi susulan kenaikan OPR

Pada bulan Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil pada bulan itu. Pada 1 hingga 4 Mac 2010, AOIR menjadi lebih rendah dan hampir mencecah kadar terendah koridor bagi Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Ini disebabkan terutamanya oleh minat peserta pasaran yang lebih tinggi terhadap simpanan semalaman dengan Bank sebelum mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan Mac. Berikutan kenaikan OPR daripada 2.00% kepada 2.25% pada 4 Mac, AOIR menjadi lebih tinggi dalam julat 2.16% - 2.24% pada tempoh 5 hingga 30 Mac 2010. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Keadaan pasaran kekal teratur ketika institusi kewangan beralih kepada paras kadar faedah baharu.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) tidak berubah pada 4.85% pada akhir bulan Februari (4.85% pada bulan Januari 2010 dan 4.83% pada bulan Disember 2009). Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata pula meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 5.76% pada 15 Mac (5.51% pada bulan Februari).

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan juga meningkat pada bulan Mac. Pada 15 Mac, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat yang lebih besar, iaitu 2.25% hingga 2.65%.



Kadar antara bank semalaman purata lebih tinggi susulan kenaikan OPR



Kadar antara bank lain juga meningkat berikutan kenaikan OPR



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan

Kadar Pinjaman:
Bank Perdagangan
(pada akhir tempoh)



BLR bank perdagangan stabil pada bulan Februari, tetapi meningkat pada bulan Mac

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat pada bulan Februari, memandangkan pinjaman terus meningkat manakala deposit menjadi sederhana

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 10	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
Feb 10	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
15 Mac 10	2.25	2.28	2.31	2.33	2.65

Kadar deposit tetap purata meningkat pada bulan Mac berikutan kenaikan OPR



Kadar deposit tetap benar dijangka meningkat berikutan kenaikan dalam kadar faedah

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), dengan pengukuhan sebanyak 4.8% antara 1 Februari hingga 30 Mac 2010. Pengukuhan ini secara amnya sejajar dengan trend serantau memandangkan asas-asas ekonomi serantau yang terus kukuh telah mengekalkan minat pelabur asing terhadap ekuiti serantau. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (12.8%), euro (8.4%) dan yen Jepun (7.4%). Paun sterling menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang berikutan perkembangan politik di United Kingdom. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 1.5% hingga 4.7%.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama



Ringgit juga lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 09	Jan 10	Feb 10	30 Mac 10	Akhir Dis 09 - 30 Mac 10	Akhir Jan 10 - 30 Mac 10
Dolar AS	3.4245	3.4130	3.4090	3.2580	5.1	4.8
Euro	4.9191	4.7625	4.5943	4.3949	11.9	8.4
Paun sterling	5.5001	5.5106	5.2359	4.8868	12.5	12.8
100 yen Jepun	3.7076	3.7943	3.8047	3.5338	4.9	7.4
Dolar Singapura	2.4401	2.4299	2.4149	2.3316	4.7	4.2
100 baht Thailand	10.271	10.303	10.318	10.073	2.0	2.3
100 peso Filipina	7.4196	7.3162	7.3652	7.2048	3.0	1.5
100 rupiah Indonesia	0.0364	0.0365	0.0365	0.0359	1.5	1.5
100 won Korea	0.2937	0.2955	0.2937	0.2881	1.9	2.6
Renminbi China	0.5016	0.4999	0.4993	0.4773	5.1	4.7

Indeks Harga Pengguna menjadi sederhana pada bulan Februari

Indeks Harga Pengguna (IHP) menjadi sederhana kepada 1.2% pada asas tahunan pada bulan Februari (Januari: 1.3%). Inflasi yang lebih sederhana ini disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *pelbagai barang dan perkhidmatan* (Februari: 2.5%; Januari: 4.4%), dan kejatuhan harga yang lebih cepat dalam kategori *pakaian dan kasut*. Harga

dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* meningkat kepada 1.3% pada bulan Februari (Januari: 1.2%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam subkategori *ikan dan makanan laut* serta *sayur-sayuran*.





Harga pengeluar meningkat pada bulan Januari

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 4.2% pada asas tahunan pada bulan Januari (Disember 2009: 3.6%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh harga komponen berkaitan komoditi yang lebih tinggi, yang meningkat sebanyak 12% pada bulan tersebut (Disember 2009: 9.8%). Dalam komponen IHPR bukan berkaitan komoditi, harga meningkat sebanyak 2.1% (Disember 2009: 1.8%). Pada asas bulanan, kenaikan harga pengeluar adalah sebanyak 0.3% (Disember 2009: 1%).

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR tempatan dan diimport menjadi positif pada bulan Januari. Berbanding dengan paras harga tahun lepas, harga komponen IHPR tempatan meningkat sebanyak 5.1% (Disember 2009: 4.2%), manakala harga komponen diimport naik sebanyak 2.4% (Disember 2009: 2.0%).



M3 mengembang pada bulan Februari

Pada bulan Februari, wang secara luas atau M3 mengembang pada kadar tahunan lebih besar, iaitu 8.2%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM0.9 bilion. Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran kredit sistem perbankan kepada sektor swasta yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh aliran keluar modal yang dicerminkan oleh penurunan aset asing bersih sistem perbankan.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 09	**Dis 09**	**Jan 10**	**Feb 10**
M3	17.2	16.6	3.4	0.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.1	6.8	-0.3	0.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.3	10.3	5.8	7.0
Pinjaman	*0.4*	*9.7*	*7.0*	*8.7*
Sekuriti	*4.9*	*0.7*	*-1.1*	*-1.7*
Aset luar bersih *	3.6	2.3	-0.2	-4.7
Pengaruh lain	7.2	-2.8	-1.9	-1.4

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

M3 telah disemak untuk memasukkan 'Deposit Lain' mulai bulan Disember 1999.

Sebelum itu, 'Deposit Lain' tidak dimasukkan dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan lebih rendah pada bulan Februari

Jumlah deposit dalam sistem perbankan pada bulan Februari menurun sebanyak RM9.4 bilion pada asas bulanan (Januari: -RM4.3 bilion), tetapi pada asas tahunan ia meningkat sebanyak 7.4% (Januari: 8.4%). Penurunan deposit institusi perbankan pada bulan itu sebahagiannya mencerminkan pengeluaran dana yang lebih besar oleh sebuah perusahaan awam bukan kewangan.

Deposit Mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 09	**Dis 09**	**Jan 10**	**Feb 10**
Kerajaan Persekutuan	2,131	-482	1,128	-1,377
Kerajaan Negeri	-440	-162	140	1,966
Badan Berkanun [1]	741	-292	-169	741
Institusi Kewangan	-2,792	15,149	-11,095	-3,192
antaranya:				
Institusi Perbankan	*6,796*	*4,735*	*-6,691*	*-7,423*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*-10,308*	*8,405*	*-4,569*	*4,157*
Perusahaan Perniagaan	25,451	-945	2,728	-7,436
Individu	354	5,340	3,250	737
Lain-lain [2]	-25	1,243	-294	-860
Jumlah	25,419	19,850	-4,312	-9,420

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk entiti tempatan lain dan entiti bukan bank asing

Deposit Mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 09	**Dis 09**	**Jan 10**	**Feb 10**
Deposit tetap	1,376	-97	982	810
NID	2,835	3,276	-9,343	-4,957
Deposit permintaan	6,804	-336	1,059	946
Deposit tabungan	479	1,912	468	-167
Perjanjian beli balik (Repo)	368	480	829	-640
Deposit mata wang asing	2,460	2,453	55	318
Deposit SPI [1]	5,846	5,181	2,472	-1,467
Lain-lain [2]	5,250	6,981	-834	-4,265
Jumlah	25,419	19,850	-4,312	-9,420

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Deposit lain merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Aktiviti pembiayaan kasar lebih giat pada bulan Februari

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada RM64.5 bilion pada bulan Februari (Januari: RM57 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 9.9% pada akhir bulan Februari (Januari: 9%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar lebih tinggi pada bulan Februari



Permohonan dan kelulusan lebih rendah disebabkan oleh bilangan hari bekerja yang kurang pada bulan Februari

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Jan-10	Feb-10	J-F 10	Jan-10	Feb-10	J-F 10
Jumlah						
Permohonan pinjaman	46.0	32.4	78.4	45.8	-4.2	19.9
Kelulusan pinjaman	23.4	19.7	43.1	41.5	11.5	26.0
Pengeluaran pinjaman	56.5	56.6	113.1	15.2	29.5	21.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	7.2	11.5	18.7	8.6	10.0	10.0
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	22.3	15.9	38.2	41.0	-9.4	14.4
Kelulusan pinjaman	9.0	8.6	17.5	29.0	6.8	17.1
Pengeluaran pinjaman	37.1	39.0	76.1	12.8	33.3	22.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.0	1.5	3.5	3.5	4.2	4.2
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	9.6	7.5	17.0	66.3	12.7	37.6
Kelulusan pinjaman	4.9	3.1	7.9	96.1	3.6	45.8
Pengeluaran pinjaman	11.6	11.1	22.7	-2.7	-1.1	-1.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/ 3/]	0.6	0.6	1.2	-0.1	2.0	2.0
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	23.7	16.5	40.2	50.6	1.6	25.7
Kelulusan pinjaman	14.4	11.2	25.6	50.6	15.4	32.9
Pengeluaran pinjaman	19.5	17.6	37.0	20.0	21.8	20.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.3	4.5	9.8	10.4	11.1	11.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Peningkatan kecil dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan meningkat sebanyak 6.1% pada asas tahunan pada akhir Februari 2010.



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Pada asas bulanan, penunjuk pinjaman utama, kecuali pengeluaran pinjaman, menjadi sederhana disebabkan oleh bilangan hari bekerja yang kurang pada bulan Februari kerana cuti Tahun Baharu Cina. Dalam sektor perniagaan, permintaan yang lebih perlahan adalah menyeluruh, kecuali bagi sektor *perkilangan*. Namun demikian, pengeluaran pinjaman meningkat pada bulan itu. Pada akhir bulan Februari, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan 4.2% (akhir Januari: 3.5%).

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan pada bulan itu adalah terutamanya untuk membiayai pembelian harta kediaman dan bukan kediaman dan juga kereta penumpang. Pengeluaran pinjaman kekal kukuh. Pinjaman sektor isi rumah terkumpul meningkat pada kadar tahunan 11.1% pada akhir bulan Februari (akhir bulan Januari: 10.4%).

Aktiviti pemerolehan dana lebih giat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM5.9 bilion pada bulan Februari. Sebahagian besar dana (69% daripada jumlah dana kasar yang diperoleh) diperoleh sektor swasta. Dana diperoleh terutamanya daripada pasaran saham, dan termasuk satu terbitan hak yang besar oleh sebuah syarikat dalam industri pengangkutan serta satu tawaran awam awal (initial public offering, IPO) oleh sebuah syarikat dalam industri teknologi. Walaupun dana kasar yang diperoleh meningkat kepada RM875 juta (Januari: RM330 juta), satu pembayaran balik bersih berjumlah RM4.6 bilion telah dicatat dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) disebabkan oleh penebusan yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi. Dana yang diperoleh adalah terutamanya untuk membiayai aktiviti baharu dan modal kerja. Sementara itu, dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM3.5 bilion diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia 5.5 tahun.



KLCI meningkat pada bulan Februari

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,270.78 mata (akhir Januari: 1,259.2 mata) sejajar dengan prestasi pasaran serantau lain. Pengumuman perolehan syarikat yang menggalakkan pada suku keempat 2009 dan prospek masa hadapan yang lebih cerah memberikan sokongan kepada bursa tempatan. Permodalan pasaran lebih tinggi pada RM1.016 trilion (sejak akhir Januari: +1.4%), manakala urus niaga purata harian merosot kepada 740 juta unit (Januari: 1,382 juta unit).



KLCI lebih tinggi pada bulan Februari

Pada 29 Mac, FBM KLCI meningkat kepada 1,319.21 mata (sejak akhir Februari: +3.81%) dan permodalan pasaran lebih tinggi pada RM1.06 trilion.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM331.7 bilion (bersamaan dengan USD96.8 bilion) pada 15 Mac 2010. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.2 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Dalam sistem perbankan, permodalan terus kukuh dan pinjaman tak berbayar stabil

Nisbah modal menjadi kukuh pada bulan Februari setelah mengambil kira keuntungan akhir tahun oleh beberapa buah bank. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) bertambah baik kepada 15.1%, manakala nisbah modal teras meningkat kepada 13.5%. Pinjaman terjejas (impaired loans) mencakupi 1.9% daripada pinjaman bersih. Paras pinjaman tertunggak yang kurang dari 3 bulan kekal stabil dan mencakupi kurang 5% daripada jumlah pinjaman. Paras pinjaman tak berbayar dan pinjaman terjejas sistem perbankan mungkin turun naik sedikit, terutamanya pada separuh pertama tahun 2010, disebabkan oleh peralihan bank-bank kepada penggunaan Standard Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRS) 139 bermula akhir tahun kewangan masing-masing pada tempoh tersebut.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan [1]

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Dis 09	Jan 10	Feb 10
Modal (%) [2]										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	13.1	13.3	13.5
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.7	14.8	15.1
NPL bersih [3]										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	1.8	1.7	1.9
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	13,859	13,397	15,040
Peruntukan am [4]**/Jumlah pinjaman bersih** [3] **(%)**	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.6	1.6	1.7

[1] Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
[2] Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II
[3] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.
[4] Bagi bank yang telah menggunakan FRS139, mulai bulan Januari, angka mencerminkan peruntukan terjejas kolektif.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Permodalan sistem perbankan kekal kukuh...

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Bagi bank yang telah menggunakan FRS139, mulai bulan Januari, angka mencerminkan peruntukan terjejas kolektif.

...dan paras NPL terus stabil

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 09		Jan 10		Feb 10	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.8	-20.0	58.5	-20.6	59.7	-1.3
M1		200.9	9.8	203.0	10.4	206.1	15.0
M2		989.1	9.5	991.2	8.1	991.4	8.4
M3		1,017.0	9.1	1,020.4	7.9	1,021.3	8.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		1,062.9	9.3	1,058.6	8.4	1,048.8	7.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		783.4	7.8	790.6	8.6	802.2	10.0
Nisbah pinjaman-deposit (%) [1]		77.9		78.4		79.7	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [1 & 2]		84.6		85.0		86.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		42.0	33.3	46.0	45.8	32.2	-5.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		26.6	31.6	23.4	41.5	19.8	11.8
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		64.7	22.1	56.5	15.2	56.4	29.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		56.0	11.6	49.6	4.0	46.8	11.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.7		14.8		15.1	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		1.8		1.7		1.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		331.3		332.2		331.8	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		96.7		97.0		96.8	
Bilangan bulan import tertangguh		9.7		9.6		9.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antara bank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.02 [2.02]		2.02 [2.02]		2.02 [2.02]	
	1 bulan	2.07 [2.06]		2.08 [2.08]		2.10 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.00		2.00		2.00	
	3 bulan	2.03		2.03		2.03	
BLR bank perdagangan		5.51		5.51		5.51	
ALR bank perdagangan		4.83		4.85		4.85	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		113.0	1.1	113.2	1.3	113.2	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2005=100)		115.4	3.6	115.8	4.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4245		3.4130		3.4090	
Euro		4.9191		4.7625		4.5943	
Paun Sterling		5.5001		5.5106		5.2359	
100 Yen Jepun		3.7076		3.7943		3.8047	
Dolar Singapura		2.4401		2.4299		2.4149	
100 Baht Thailand		10.2714		10.3034		10.318	
100 Peso Filipina		7.4196		7.3162		7.3652	
100 Rupiah Indonesia		0.0364		0.0365		0.0365	
100 Won Korea		0.2937		0.2955		0.2937	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.0		8.5		3.5	
	swasta	2.3		-1.0		2.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,272.8		1,259.2		1,270.8	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		999.5		1,001.7		1,015.7	

[1] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Bank Negara Malaysia
31 Mac 2010